# Malaysia dijangka tak alami jerebu rentas sempadan

**Kuala Lumpur:** Malaysia diramal tidak dilanda jerebu merentas sempadan yang teruk pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya susulan keadaan cuaca semasa, termasuk cuaca di negara jiran yang masih lembap.

Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Jailan Simon, berkata keadaan berkenaan disumbangkan oleh fenomena La Nina sekali gus menghalang aktiviti pembakaran terbuka.

"Apa yang berlaku di negara jiran nampaknya masih belum 'kering'. Jadi kita tidak jangka keadaan jerebu sangat serius.

"Bagaimanapun, kita belum tahu lagi dalam masa tiga bulan akan datang kerana keadaan kering itu masih boleh berlaku di negara jiran," katanya pada program sembang santai: Situasi cuaca semasa - Kesan kepada masyarakat dan alam sekitar sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 yang diadakan secara maya, di sini semalam.

Sesi berkenaan turut disertai Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar (JAS), Wan Aminordin Wan Kamaruddin dan Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman dari Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun, manakala sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN), pada Oktober.

Jailan berkata, negara mengalami peralihan monsun Timur Laut kepada Barat Daya sejak 19 Mei lalu dan keadaan itu masih belum stabil, menyebabkan keadaan hujan yang tidak menentu.

"Bagaimanapun, tahun ini sedikit luar biasa kerana tahun La Nina kita agak lembap, berbanding tahun sebelum ini dan kesan La Nina tahun ini tidak kuat atau ketara dan kita akan dapat lebih banyak hujan berbanding musim monsun Barat Daya sebelum ini.

"Apabila sudah stabil, keadaan ribut petir di pantai barat akan berkurangan dan mungkin akan berlaku lebih di kawasan pedalaman serta kawasan pantai timur. Ini 'patern' yang biasa, cuma di peringkat awal nampak pelik sedikit kerana angin itu belum stabil," katanya.

Haliza berkata, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerajaan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 menyaksikan keadaan alam sekitar di negara ini semakin bertambah baik. BERNAMA